

PALESTIN BERDARAH LAGI

[SN128] Setitis demi setitis darah kaum Muslimin terus mengalir di bumi Palestin. Jika di zaman Umar Al-Khattab dan Salahuddin Al-Ayyubi, darah kaum Muslimin mengalir dengan penuh kemuliaan sebagai syuhada di jalan Allah, namun kini darah yang mengalir ini dipenuhi keaiban dan murka Allah terhadap orang yang menumpahkannya. Jika dahulu darah-darah yang mengalir dipenuhi keharuman dan keberkatan, kini darah yang mengalir ini dipenuhi kebencian dan permusuhan sesama sendiri. Ya, siapa lagi yang dimaksudkan jika bukan puak Hamas dan Fatah yang berbunuhan antara satu sama lain demi secebis tanah yang ingin dikuasai. Maha Suci Allah, kaum Muslimin dahulu berperang mengalahkan musuh-musuh mereka demi membebaskan bumi Al-Quds, tanah yang diberkati dari golongan kuffar. Mereka bertempur kerana menyahut seruan Allah menuju syurgaNya. Kini, kaum Muslimin melanggar perintah Rabb mereka secara terang-terangan dengan pembunuhan sesama sendiri kerana berebut sebuah pemerintahan.

Konflik yang berlaku di antara Fatah dan Hamas sudah memakan ratusan, mungkin ribuan korban. Dari apa yang dapat disaksikan, masing-masing nampaknya berbangga setelah berjaya membunuh saudara sendiri; lagi ramai yang terkorban, lagi gembira perasaan yang ditunjukkan, malah mereka bersyukur dengannya. Kegembiraan mereka ini sudah tentu dikongsi oleh pihak lain yang ternyata lebih gembira melihat apa yang berlaku. Siapa lagi jika tidak Amerika Syarikat (AS) dan Israel. AS dan Israel dapat berehat seketika dan dapat menjimatkan seberapa banyak dari peluru-peluru mereka yang disimpan khas untuk membunuh kaum Muslimin. Mereka bukan sahaja tidak mengalami apa-apa kerugian, malah dalam masa yang sama, mereka berjaya meneguhkan cengkaman mereka di bumi Palestin. Hamas dan Fatah berperang sesama sendiri hanya kerana berebut sejangkal dari tanah mereka sendiri (Gaza dan Tebing Barat), tanpa mempertikaikan tanah yang lain yang dari dahulu hingga sekarang dikuasai oleh Yahudi dengan selesanya. Hamas dan Fatah sepatutnya bersama-sama memerangi musuh Allah, si Yahudi *la'natullah*, dan menghalau mereka keluar dari bumi Palestin, namun apa yang berlaku adalah sebaliknya. Alangkah hinanya keadaan ini!

Berikut ini kami paparkan surat terbuka dari Hizbut Tahrir Pusat yang ditujukan secara khusus untuk Hamas dan Fatah dan disebarkan secara amnya untuk kaum Muslimin di seluruh dunia agar kaum Muslimin sedar terhadap apa yang berlaku dan mencari jalan keluar darinya sebagaimana yang dikehendaki oleh Allah dan RasulNya. [Surat asal adalah berbahasa Arab dan ini merupakan terjemahan yang telah disunting ke dalam bahasa Melayu].

APA YANG TERJADI DI PALESTIN BUKAN SEKADAR JENAYAH, BAHKAN LEBIH DARI SEKADAR SEBUAH KONSPIRASI

Wahai Orang-Orang Yang Berlumba dalam Keburukan, Apakah Sudah Tiada Di Kalangan Kalian Orang Yang Masih Memiliki Keimanan?

Bukankah merupakan satu tindakan jenayah yang luar biasa, ketika Fatah yang telah menjadi harapan masyarakat untuk membebaskan keseluruhan Palestin, ternyata berakhir dengan hanya memerintah wilayah yang didudukinya, Tebing Barat. Sebuah pemerintahan yang tidak mempunyai apa-apa samada kekuasaan (*authority*) atau kedaulatan sedikit pun. Anehnya, Fatah berpesta dan bernyanyi kegembiraan kerana telah berjaya menghalang Hamas dan tenteranya dari menduduki sejumlah wilayah yang berada di bawah Palestin. Padahal, tugas Fatah sebenarnya adalah untuk menghalang tentera

Yahudi *la'natullah* dari memasuki, berarak mahupun berjalan di bumi Palestin!

Bukankah juga merupakan satu tindakan jenayah yang luar biasa, ketika Hamas yang telah menjadi harapan masyarakat untuk membebaskan keseluruhan Palestin, ternyata berakhir dengan hanya memerintah wilayah yang didudukinya, Gaza. Sebuah pemerintahan yang tidak mempunyai apa-apa, samada kekuasaan (*authority*) atau kedaulatan sedikit pun. Anehnya, Hamas bersyukur kepada Allah kerana telah berhasil membebaskan Gaza dari tangan Fatah dan tenteranya. Padahal, sepatutnya Hamas membebaskan Gaza dari kekuasaan dan polisi Yahudi *la'natullah* yang terus mencengkam Gaza dengan penuh rasa permusuhan dari hari ke hari?

Bukankah merupakan tindakan jenayah yang luar biasa, ketika kedua kelompok tersebut berjaya 'mencapai' apa yang gagal dicapai oleh Yahudi? Mereka berjaya mengisytiharkan secara terbuka dan terang-terangan pemisahan Tebing Barat dan Gaza, bukan hanya sekadar dengan kata-kata, tetapi secara nyata, dengan wujudnya secara fizikal!

Tidakkah juga merupakan tindakan jenayah yang luar biasa, bahawa kedua-dua pihak yang (kononnya) mendakwa merekalah penyelamat Palestin, walhal sesungguhnya merekalah yang menumpahkan darah rakyat Palestin yang tidak berdosa?

Wahai Kaum Muslimin!

Tercatat bukti bagi siapa pun yang boleh melihat bahawa Pengisytiharan Mekah sebenarnya merupakan perangkap bagi Hamas agar terlibat dalam proses politik pilihanraya dan kemenangan (telah diatur) bagi pihak Hamas di mana Hamas diberi pemerintahan di tanah yang diduduki. Hamas telah termakan umpan ini. Tujuan di sebalik semua ini adalah untuk menyatukan kelompok Islam dengan kelompok Sekular dalam satu kesepakatan, agar menerima resolusi antarabangsa dalam masalah Palestin. Semua resolusi telah mengiktiraf negara Yahudi di tanah yang diduduki pada tahun 1948. Justru itu, sebarang perselisihan telah dihadkan kepada tanah yang diduduki pada tahun 1967. Mereka (Yahudi) sebenarnya berusaha untuk mendapatkan 'pengiktirafan' dari kedua-dua puak rakyat Palestin samada puak Islam atau Sekular. Hasilnya, seluruh puak di Palestin telah menerima resolusi ini tanpa apa-apa bantahan, kecuali puak *Al-Jihad al-Islami (Islamic Jihad)* yang menolak resolusi tersebut secara menyeluruh, dan *Al-Jabha' asy-Sya'biyah (the People's Front)* yang menolak secara sebahagian.

Pengumuman Pengisytiharan Mekah (Februari 2007) adalah tidak lebih dari 'siaran ulangan' kepada pengumuman Perjanjian yang dibuat oleh Fatah (di bawah PLO) pada bulan Oktober 1988. Dalam pengumuman itu, PLO di bawah pimpinan Fatah menyetujui, bahawa masalah Palestin hanya difokuskan kepada tanah yang diduduki oleh Yahudi pada tahun 1967. Pada waktu itu, pihak yang menandatangani persetujuan tersebut hanyalah kelompok sekular, maka adalah amat penting (bagi Yahudi) untuk persetujuan tersebut turut ditandatangani oleh kelompok Islam. Hal ini telah berhasil diwujudkan dalam Perisytiharan Mekah, dengan pertumpahan darah telah dirancang terlebih dahulu di antara Fatah dan Hamas. Masyarakat awam dari kalangan penduduk Palestin menyangka bahawa pengisytiharan tersebut bertujuan untuk menghentikan pertumpahan darah, tanpa menyedari tujuan politik di sebaliknya.

Siapa pun yang membuka mata terhadap peristiwa ini akan nampak bahawa terjerumusnya Hamas ke dalam 'permainan' ini membawa maksud bahawa terdapat dua 'kekuasaan' di dalam pemerintahan. Satu pihak (Fatah) sebagai pemegang kekuasaan Palestin, manakala (Hamas) sebagai pihak kerajaan. Tujuan semua ini adalah untuk mewujudkan perebutan di antara dua kuasa yang mempunyai kekuatan yang setara, puak Islam dan puak Sekular. Kedua-dua Amerika dan Yahudi tidak menginginkan Hamas memiliki apa-apa peranan, kecuali hanya untuk menandatangani pengisytiharan tersebut sahaja. Bahkan, Amerika dan Yahudi ingin melemahkan kekuatan Hamas di dalam PLO dengan merubah sedikit struktur Palestin, tanpa mengganggu tunjangnya, iaitu pihak yang memegang kekuasaan di Palestin (Fatah). Ini mereka rancangan tanpa mengambil kira fakta bahawa Eropah (khususnya Britain) menginginkan agar Hamas memainkan peranan aktif di dalam kerajaan yang mereka terajui.

Bagi rakyat Palestin, Fatah adalah pihak yang tamakkan kekuasaan melebihi segala-galanya, manakala Hamas tidaklah begitu. Justeru, idea Amerika dan Yahudi adalah untuk menggabungkan Hamas dan Fatah di dalam satu pemerintahan agar Hamas dilihat sama seperti Fatah, sebagai sebuah parti yang 'gila kuasa'. Apabila ini dapat dicapai, mereka kemudian akan 'menghalau keluar' Hamas dari pemerintahan agar hanya wujud satu pemerintahan tunggal. Hal ini akan melemahkan Hamas dan akan membuatkan rakyat 'tidak menyesal' jika Hamas keluar, kerana sekarang mereka (rakyat) sudah sedar bahawa Hamas tidak ada bezanya dengan Fatah yang hanya mengejar kekuasaan semata-mata.

Wahai Kaum Muslimin! Wahai Penduduk Palestin!

Demi untuk mencapai matlamat mereka, kaum kafir penjajah sentiasa bersedia, walaupun mereka terpaksa 'mencipta' satu krisis berdarah atau lebih dari itu. Inilah hakikatnya dari dahulu. Pertumpahan darah antara Fatah dan Hamas yang berlaku dahulu adalah untuk menyediakan alasan kepada penandatanganan Pengisytiharan Mekah agar masyarakat melihat pengisytiharan tersebut sebagai usaha untuk menghentikan pertempuran berdarah yang berlaku. Hal ini berjaya mengaburi masyarakat akan strategi politik (AS dan Israel) yang terselindung. Dalam pertempuran terbaru antara Fatah dengan Hamas, sekumpulan tentera di bawah kawalan Fatah melakukan provokasi terhadap Hamas di Gaza. Hamas sepatutnya bersabar dan mendedahkan konspirasi Fatah kepada masyarakat, namun Hamas gagal menahan sabar, justeru membalas balik dengan keganasan menyebabkan berlakunya pembunuhan dan pertumpahan darah yang menyaksikan kanak-kanak, wanita dan orang-orang tua menjadi mangsa. Harta benda juga turut musnah. Dalam melakukan pembunuhan keji ini, mereka seakan-akan lupa atau sengaja tidak memperdulikan hadis Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa Sallam yang diriwayatkan dari Abdullah bin 'Amru, bahawa Nabi Sallallahu 'alaihi wa Sallam bersabda:

"Sungguh lenyapnya dunia ini adalah lebih ringan bagi Allah daripada membunuh jiwa seorang Muslim" [HR At-Tirmidzi, juga oleh An-Nasa'i dan Ibn Majah]

Tiadanya kesadaran politik di dalam tubuh Hamas dalam perjalanan perjuangan mereka telah menyebabkan Hamas terjerumus ke dalam krisis demi krisis, sehinggalah ke tahap menumpahkan darah kaum Muslimin yang tidak berdosa dalam meraih tujuan mereka. Anehnya mereka merasakan bahawa mereka telah mencapai kejayaan yang gemilang, malah mereka bersujud syukur kepada Allah kerananya.

Sekarang Hamas telah menguasai Gaza dan memiliki pemerintahan sendiri. Sementara Pihak Berkuasa Fatah memerintah di Tebing Barat. Sesungguhnya kedua mereka sedang bersaing dan berlumba di dalam keburukan dan kekejian, baik secara jangka pendek mahupun jangkamasa panjang. Apa pun, mereka sebenarnya telah memberi 'perkhidmatan' yang terbaik kepada Yahudi *la'natullah* di dalam usaha mereka (Yahudi) mencabik-cabik apa sahaja

yang masih tersisa dari tanah Palestin. Telah lama Yahudi bercita-cita untuk mencipta sempadan atas dasar kebencian dan permusuhan di kalangan penduduk Palestin melalui pembunuhan (sesama sendiri) seperti ini. Apakah kaum Yahudi terlaknat itu mampu melakukan semua ini, seandainya tidak menggunakan tangan-tangan dan ‘kerjasama’ para pemimpin Islam dalam krisis ini?

Wahai Kaum Muslimin! Wahai Penduduk Palestin!

Sesungguhnya Hizbut Tahrir menyeru kepada orang-orang ikhlas yang masih ada, baik dari pihak Fatah mahupun Hamas, agar mereka menutup pejabat-pejabat Pihak Berkuasa Palestin (Fatah) dan kerajaan (Hamas) di bawah pendudukan tersebut dan menghentikan tangan-tangan keji mereka yang duduk di kerusi pemerintahan yang serba lemah di Gaza dan Tebing Barat. Hizbut Tahrir menyeru kepada golongan ikhlas yang masih ada agar berhadapan dengan pemerintah tersebut dengan sikap yang dicintai oleh Allah dan RasulNya bagi memastikan cahaya kehidupan terus bersinar, baik di dunia mahupun di akhirat. Hanya dengan ini sahajalah akan menyelamatkan mereka dari kehinaan di dunia dan siksa yang pedih di akhirat. Jika kalian terus-menerus berada di panggung sandiwara Pihak Berkuasa Palestin (Fatah) dan kerajaan (Hamas), yang menggenggam kaum Muslimin dan memecahkan kesatuan mereka, yang membunuh kaum Muslimin dan menumpahkan darah-darah mereka, sesungguhnya ia merupakan pengkhianatan kepada Allah, RasulNya dan orang-orang Mukmin.

Kami menyeru para pejuang Hamas dan Fatah yang masih ada sisa-sisa keikhlasan di dalam diri mereka, agar melihat dan mengembalikan krisis ini kepada masalah asalnya, iaitu untuk menghapuskan entiti Yahudi dari akarnya, dan mengembalikan tanah Palestin secara menyeluruh sebagai sebahagian dari tanah umat Islam. Jika mereka tidak berjaya menjalankan misi tersebut hari ini, setidaknya-tidaknya mereka tetap berada di parit-parit yang telah mereka siapkan, dan bersikap teguh dalam posisi-posisi yang mereka ambil (untuk menentang Yahudi). Dengan ini, mereka akan berada sebaris dengan tentera Khalifah Umar yang telah membebaskannya buat pertama kali, dan tentera Khalifah an-Nasir al-'Abbasi di bawah panji panglima Salahuddin yang telah membebaskannya dari tangan tentera Salib, atau mereka akan menjadi pasukan tentera Islam yang berjaya membebaskan al-Quds untuk terakhir kalinya...

“Pada hari itu orang-orang Mukmin bergembira dengan pertolongan dari Allah” [TMQ ar-Rum (30):4-5]

Hizbut Tahrir (3 Jumadil Akhir 1428H bersamaan 18 Jun 2007M)

.....
Wahai kaum Muslimin! Apa yang sedang berlaku di Palestin adalah masalah kita semua. Ia adalah sebahagian dari masalah umat Islam. Janganlah kalian menyangka bahawa masalah Palestin adalah masalah rakyat Palestin. Begitu juga dengan masalah Iraq, jangan sekali-kali kalian menyangka bahawa ia adalah masalah rakyat Iraq. Semuanya adalah masalah kita bersama. Soal ‘kerakyatan’ hanyalah muncul dari sempadan negara dicipta oleh

musuh-musuh Allah, musuh Rasul dan musuh kalian semua. Allah dan RasulNya tidak pernah membeza-bezakan umat Islam Palestin, umat Islam Iraq, umat Islam Lebanon mahupun umat Islam Malaysia. Allah Subhanahu wa Ta’ala berfirman, *“Dia (Allah) yang telah menamakan kamu Muslim dari dahulu” [TMQ al-Hajj (22):78]* dan firmanNya, *“Sesungguhnya orang-orang Mukmin adalah bersaudara” [TMQ al-Hujurat (49):10]*. Dalam hal ini, Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wa Sallam juga mengingatkan kita melalui sabdanya, “Barangsiapa yang bangun di pagi hari dan ia tidak memperdulikan urusan kaum Muslimin, maka dia bukan sebahagian dari mereka (kaum Muslimin)” [HR Hakim]. Sesungguhnya Allah dan Rasul tidak pernah membeza-bezakan kita dan mengingatkan kita bahawa kita adalah umat Islam yang satu.

Wahai kaum Muslimin! Pelbagai penyelesaian telah diambil untuk menyelesaikan isu Palestin, namun tidak satupun yang berjaya. Konflik terus berlaku, darah terus tertumpah, korban semakin meningkat dan pengkhianatan demi pengkhianatan tidak pernah berhenti. Apakah benar-benar tidak ada penyelesaian terhadap isu ini di dalam Islam? Apakah Allah menurunkan agama ini dengan serba kekurangan sehingga umat Islam perlu mengambil penyelesaian sendiri, malah lebih buruk perlu bergantung kepada penyelesaian dari musuh Allah itu sendiri? Apakah *Deen* Allah ini penuh dengan kecacatan dan kekurangan sehingga penganutnya tidak ada jalan keluar dari masalah sebegini? *SubhanAllah!!* Maha Suci Allah dari segala kekurangan. Sesungguhnya agama Islam yang Allah cipta ini adalah amat sempurna. Namun manusialah yang menjadi punca kepada segala masalah, apabila tidak mengambil penyelesaian dari Al-Khaliq, Pencipta manusia dan agama untuk manusia. Amat hinalah kedudukan manusia yang tidak mengambil penyelesaian yang telah Allah tetapkan.

Wahai kaum Muslimin! Palestin adalah tanah kita yang telah dirampas oleh Yahudi *la'natullah* dengan bantuan British dan Amerika. Umat Islam di sana adalah di dalam kedudukan ‘perang’ dengan Israel hasil dari pencerobohan ini. Apabila musuh melancarkan perang ke atas kita, maka penyelesaiannya adalah membalas mereka dengan perang juga (jihad). Jika keluarga kita didatangi oleh musuh yang menghunuskan senjata dan mereka telah membunuh beberapa orang dari adik-beradik kita, maka apakah dalam keadaan ini kita akan mengatakan bahawa *‘Ahh! Itu masalah adik aku yang dibunuh, tidak ada kena mengena dengan aku’* atau kita hanya akan menadahkan tangan di hadapan musuh menagih simpati dan berdoa agar musuh tidak membunuh kita atau keluarga kita yang lain, atau kita menadahkan tangan bersyukur kerana kita masih selamat dan tidak dibunuh oleh si musuh atau kita bertanya kepada musuh apakah penyelesaian yang terbaik dalam situasi ini?

Wahai kaum Muslimin! Inilah realiti yang berlaku di Palestin sekarang (dan juga di lain-lain tempat). Umat Islam telah meletakkan penyelesaian masalah mereka di tangan musuh-musuh mereka sendiri! Mereka membiarkan musuh

membunuh saudara-saudara mereka sambil menunggu musuh menyelesaikan masalah. Mereka memanjatkan doa kepada Allah agar musuh Allah dan musuh mereka berjaya menyelesaikan masalah tersebut. Mereka berusaha keras mematuhi apa sahaja yang musuh Allah ini tetapkan. *MasyaAllah!* Apakah ini penyelesaiannya wahai mereka yang berakal? Fikirkanlah dengan penuh keikhlasan dan ketakwaan, apakah ini yang diajarkan oleh Allah dan RasulNya di dalam menyelesaikan masalah umat Islam? Atau apakah kalian tidak mahu memikirkan dan tidak mahu berusaha, hanya mengharapkan pertolongan dari langit untuk membantu saudara-saudara kalian?

Wahai kaum Muslimin! Sesungguhnya penyelesaian kepada masalah Palestin tiada lain melainkan jihad. Inilah penyelesaian yang diperuntukkan oleh Islam dan inilah satu-satunya jalan penyelesaian. Malangnya jalan inilah yang tidak diambil dan tidak pernah diambil oleh pemerintah umat Islam. Dalam keadaan di mana umat Islam sedang diperangi oleh musuh-musuh Allah, maka wajib bagi para pemerintah umat Islam menggerakkan para tentera mereka yang ada untuk berjihad memerangi musuh Allah ini. Jika pemerintah tidak bertindak, maka wajib pula bagi tentera kaum Muslimin bergerak ke medan jihad kerana merekalah golongan yang sebenar-benarnya mempunyai kekuasaan dan kekuatan. Jika digabungkan, umat Islam sebenarnya mempunyai kekuatan ketenteraan yang luarbiasa. Kedudukan Israel yang tersepit dan dikelilingi oleh negeri-negeri umat Islam akan begitu mudah dihancurkan. Bayangkan, jika bergabungnya tentera Jordan, Lebanon, Syria, Mesir Arab Saudi, Iran dan jika ditambah lagi kekuatan dari Pakistan, Sudan, Indonesia, Malaysia dan lain-lain lagi, maka Insya Allah Israel dapat dihancurkan dengan sekelip mata. Atas pertolongan Allah yang kita yakin akan tiba di dalam berlangsungnya jihad, maka *InsyaAllah* umat Islam akan dapat menguasai semula keseluruhan Palestin (bukan sekadar Tebing Barat dan Gaza) dengan begitu mudah. Malangnya semua tentera kaum Muslimin yang ada dimandulkan oleh para pemerintah dan golongan tentera ini tidak sedar bahawa mereka sesungguhnya tidak mandul!

Ingatlah wahai kaum Muslimin dan pemimpin kaum Muslimin! Anak-anak di Palestin akan bangkit pada hari kiamat dan menceritakan kisah mereka di hadapan Allah. Mereka akan bangkit dari kubur-kubur mereka dan menceritakan bahawa mereka mati dahulu kerana dibunuh dengan kejam oleh askar-askar Yahudi. Mereka akan menyatakan bahawa tidak ada seorangpun dari pemimpin kaum Muslimin yang menjaga darah mereka. Mereka akan menyatakan bahawa pemimpin umat Islam telah mengkhianati mereka. Mereka akan bersaksi bahawa terdapat sebahagian dari umat Islam yang hanya membiarkan mereka dibunuh tanpa apa-apa pembelaan. Apakah jawapan kalian di waktu itu wahai para pemimpin? Allah akan bertanya kalian untuk apakah kalian memperlempangkan tentera jika tidak untuk berjihad di

jalanNya? Apakah jawapan kalian di kala itu wahai mereka yang memegang kekuasaan? Allah akan bertanya kepada kalian wahai kaum Muslimin, kenapakah kalian tidak bergerak untuk menegakkan agama Allah? Kenapakah kalian membiarkan darah anak-anak Palestin gugur ke bumi sedangkan kalian hidup selesa dikelilingi kemewahan? Apakah jawapan kalian di waktu itu wahai mereka yang sedang berpeluk tubuh? Bertaubatlah wahai para pemimpin, bertaubatlah wahai mereka yang lalai!!

Wahai kaum Muslimin! Bumi Al-Quds, tanah yang diberkati telah berjaya dikuasai oleh umat Islam semasa Khilafah menaungi dunia. Khalifah Umar Al-Khattab telah menghantar tenteranya untuk membebaskan kota suci itu dari tangan kaum kuffar. Begitu juga dengan Panglima Islam yang terkenal, Salahuddin Al-Ayyubi juga berjaya menawan semula bumi yang penuh berkat itu dari tangan tentera Salib. Sesungguhnya umat Islam sekarang tidak mempunyai seorang Khalifah yang akan menyelamatkan umat ini dari malapetaka. Darah umat Islam tertumpah tanpa sebarang pembelaan. Negeri umat Islam diceroboh tanpa sebarang pembelaan. Umat Islam bercakaran sesama sendiri tanpa ada yang dapat menghentikannya. Wahai saudaraku! Di tangan kalian terdapat kuasa untuk menghentikan semua ini! Di tangan kalian terdapat kuasa untuk memilih pemimpin. Kalianlah yang menentukan samada ingin memilih pemimpin sekular yang takutkan Barat atau pemimpin Islam yang takutkan Allah. Di tangan kalianlah terdapat kuasa 'penentu' samada kalian ingin memilih pemimpin yang dapat membebaskan Palestin (dan tanah-tanah umat Islam lainnya) atau memilih pemimpin yang hanya mementingkan keduniaan dan pasrah kepada musuh Allah. Kalianlah yang berhak untuk samada memilih pemimpin yang pengecut atau pemimpin yang akan melancarkan jihad ke atas musuh-musuh kalian dan musuh-musuh Allah.

Wahai kaum Muslimin! Dengarlah peringatan ini sebaik-baiknya. Di tangan-tangan kalianlah terletak kuasa untuk melantik dan membai'ah seorang Khalifah. Khalifah akan muncul dan memerintah kalian jika kalian memberikan bai'ah kepadanya. Apabila dibai'ah, Khalifah akan menerapkan pemerintahan berdasarkan Kitabullah dan Sunnah RasulNya kerana itulah syarat bai'ah yang beliau wajib penuhi. Khalifah akan melihara dan menjaga darah kalian dan menyatukan seluruh negeri kaum Muslimin. Khalifah akan menggerakkan tentera-tentera kaum Muslimin ke medan jihad untuk menyelamatkan kaum Muslimin dan membebaskan negeri-negeri umat Islam dari cengkaman kuffar. Oleh itu, bersama-samalah kalian dengan mereka yang berjuang untuk menegakkan semula Daulah Khilafah dan mengembalikan kemuliaan kepada kaum Muslimin. Semoga dengan kemuliaan ini Allah akan mengurniakan kalian kebaikan di dunia dan akhirat serta menjauhkan kalian dari kehinaan di dunia dan siksaan Allah yang amat pedih di akhirat kelak. *Amin ya Rabbal 'alamin.*